

Projek naik taraf pengangkutan awam tetap diteruskan – PM

Oleh FAUZIAH AROF
dan ZAINÉ RABAN

SHAH ALAM 21 April - Kerajaan tetap akan meneruskan projek-projek menaik taraf sistem pengangkutan awam kerana ia merupakan keperluan rakyat walaupun subsidi penjimatan minyak negara RM4.4 bilion hampir-hampir hapus ekoran kenaikan harga minyak semasa dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, projek tersebut perlu diteruskan kerana penggunaan pengangkutan awam semakin meningkat akibat peningkatan harga minyak dan sudah tentu banyak perkara berkaitannya perlu

*Itulah masalahnya...
(subsidi penjimatan
minyak makin kurang), kita
kena terus bergerak juga*

**ABDULLAH
AHMAD
BADAWI
Perdana
Menteri**

diperbaiki.

Beliau yang tidak menafikan bahawa subsidi penjimatan minyak semakin berkurangan dan mungkin akan hapus berkata, kaedah-kaedah lain perlu digerakkan untuk membiayai projek menaik taraf berkenaan.

"Itulah masalahnya... (subsidi penjimatan minyak makin kurang), kita kena terus bergerak juga.

Ini bererti kita kena cari ka-

edah-kaedah lain, antaranya kaedah insentif kewangan swasta di mana pihak swasta boleh dibawa bersama untuk membentangkan-cadangan yang mereka anggap mampu untuk melaksanakan sistem pengangkutan yang kita perlukan itu," katanya.

Abdullah berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan sistem pendaftaran terbuka berkomputer yang seragam bagi rumah kos rendah di Dewan

Jubli Perak, Bangunan Sultan Abdul Aziz, di sini hari ini.

Semalam di Parlimen, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, kerajaan terpaksa membayar tambahan subsidi sebanyak RM3.5 bilion bagi menampung kenaikan harga minyak dunia yang kini mencecah AS\$72 (RM273) setong.

Kenaikan itu juga memberi kesan terhadap penjimatan subsidi sebanyak RM4.4 bilion setelah kerajaan memutuskan untuk menaikkan harga minyak sebanyak 30 sen seliter baru-baru ini.

Perdana Menteri yang juga

• **Lihat muka 2**

Projek naik taraf pengangkutan awam tetap diteruskan – PM

Menteri Kewangan memberitahu, melalui satu kajian terperinci, kerajaan mendapati bahawa sistem pengangkutan awam yang sedia ada sekarang ini perlu diperbaiki lagi.

Ditanya sama ada kerajaan akan menaikkan lagi harga minyak sekiranya harga minyak semasa dunia terus melambung tinggi, Abdullah memberitahu satu mesyuarat segera akan diadakan bagi mengkaji masalah kenaikan harga bahan api itu.

"Saya bercadang akan mengadakan satu mesyuarat segera untuk mengkaji dan menghalusi kesan-kesan yang kita terima akibat harga minyak ini," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan tetap berpegang kepada janji untuk tidak menaikkan harga minyak sehingga akhir tahun ini.